

Wawancara bersama Al Jazeera

Najib nafi dakwaan Sirul

Bekas PM gesa kerajaan adakan libat urus bersama Australia untuk cari keadilan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menafikan semua dakwaan dibuat bekas anggota polis, Sirul Azhar Umar dalam wawancara yang disiarkan *Al Jazeera* menerusi program *101 East* minggu lalu, berhubung kes pembunuhan wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu pada 2006.

Firma guaman, Tetuan Shafee & Co dalam satu kenyataan bagi pihak bekas Perdana Menteri itu kelmarin sebagai maklum balas terhadap dakwaan berkenaan, berkata Najib meminta Kerajaan Malaysia mengadakan libat urus bersama pihak berkuasa Australia dengan matlamat bagi memudah cara ekstradisi Sirul Azhar ke negara ini, sekali gus

memastikan siasatan komprehensif dijalankan berhubung dakwaannya.

“Bagi menyokong usaha ini, anak guam kami mencadangkan Kerajaan Malaysia berkemungkinan menawarkan jaminan untuk tidak mengenakan hukuman mati bagi memudah cara objektif keadilan dan kebenaran secara meluas.

“Dalam pada anak guam kami (Najib) mempertahankan semua hak perundangan dan remedi dalam perkara ini terhadap Sirul, *Al Jazeera* dan wartawannya Mary Ann Jolley, beliau kekal teguh menafikan sebarang *Najib Razak* pembabitian dalam kematian tragik Altantuya Shaariibuu melalui jenayah amat kejam itu.

“Kami mahu menegaskan bahawa anak guam kami (Najib) telah dilepaskan secara muktamad daripada sebarang pembabitian dalam kes ini dan ia disahkan oleh

pihak berkuasa berkaitan termasuk siasatan semula pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), serta disahkan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan menerusi rayuan substantif di Mahkamah Persekutuan yang mendengarnya secara komprehensif berdasarkan merit,” menurut kenyataan itu.



Ditugaskan secara bergilir

Kenyataan berkenaan turut menekankan Sirul Azhar dan Azilah Hadri tidak pernah menjadi pengawal peribadi khusus untuk Najib, sebaliknya mereka adalah daripada satu kumpulan pengawal peribadi yang ditugaskan secara bergilir antara pemimpin teratas dalam Kabinet ketika itu.

Jumaat lalu, Sirul Azhar yang disabitkan membunuh Altantuya, dilaporkan merayu untuk meneruskan hidup di Australia, sambil mendakwa berbahaya untuk dia kembali ke Malaysia.

Dalam wawancara eksklusif



itu, Sirul Azhar turut memohon kemaafan kepada keluarga mangsa Altantuya dan meminta diampunkan.

FMT melaporkan, dalam wawancara pertama sejak dibebaskan dua minggu lalu dari Pusat Tahanan Imigresen Villawood di Sydney itu, Sirul mendakwa tidak bertanggungjawab atas pembunuhan Altantuya walaupun disabitkan bersalah oleh mahkamah di Malaysia.

Dia mendakwa dijadikan kambing hitam dan diperangkap dalam permainan politik, yang mana dia mengaku menerima RM1 juta ketika berada di Australia daripada sumber tidak dinamakan untuk tujuan ‘menutup mulut’.

BERNAMA